

**Parlimen: Kerajaan Belum Sedia Hantar Angkasawan Ke Bulan**  
**Bername**  
**3 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Kerajaan belum bersedia memberikan komitmen untuk menghantar angkasawan Malaysia yang pertama menjejakkan kaki ke bulan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Rabu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Fadilah Yusoff berkata ini kerana misi penghantaran angkasawan ke bulan akan melibatkan kos yang tinggi.

"Kita juga perlu mengambil kira kekangan faktor teknikal dan tawaran dari kesatuan negara-negara pelancar," katanya ketika menjawab soalan Datuk Abd Rahman Bakri (BN-Sabak Bernam), di sini.

Abd Rahman ingin tahu adakah kementerian bercadang meneruskan inisiatif menghantar angkasawan ke angkasa lepas dan komitmen untuk merealisasikan hasrat melahirkan angkasawan Malaysia pertama menjejakkan kaki di bulan.

Fadilah berkata tumpuan dan keutamaan kini ialah menghantar angkasawan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), untuk tujuan menjalankan kajian saintifik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699249>